

## 1) KOLOKIUUM MOTIVASI “KESERONOKAN BEKERJA”

Unit Kaunseling dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Polis telah menganjurkan satu program iaitu Kolokium Motivasi “Keseronokan Bekerja” pada 9 Februari 2011 bertempat di Dewan Seminar Kaunseling. Program ini dihadiri oleh 80 orang kakitangan dan staf bukan akademik Polis. Program ini diadakan sehari bermula pukul 8 pagi sehingga 5 petang. Antara pengisian program ini ialah ceramah oleh Ustaz Badlishah bin Alaudin daripada Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) yang bertajuk “Keseronokan Bekerja” dan “Pengurusan Stress Dalam Bekerja” yang disampaikan oleh Puan Siti Asmad bin Zakarni daripada LPPKN cawangan Kuantan, Pahang.

Tujuan program ini diadakan untuk menyuntik semangat baru dan sentiasa memperbaharui keinginan untuk mencapai tahap prestasi kerja yang lebih tinggi dari semasa ke semasa. Objektif program ini diadakan untuk meningkatkan tahap motivasi sedia ada dalam diri peserta di samping dapat mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang ada dalam diri.

Melalui penilaian yang dilakukan peserta sangat berpuas hati dengan program yang dijalankan ini dan mereka memperolehi banyak maklumat serta input yang berguna untuk mendorong mereka terus bekerja sekaligus mengekalkan prestasi kerja dengan cemerlang, gemilang dan terbilang.



